

11/02/2003

Menara Telekom gabung unsur tradisional, moden

SATU lagi bangunan mercu tanda muncul di ibu negara dengan perasmian Menara Telekom setinggi 310 meter atau bersamaan 77 tingkat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur, semalam.

Struktur Menara Telekom yang unik dan berkonsepkan pucuk rebung karya seniman terkenal Latiff Mohidin itu direka oleh arkitek tempatan, Hijjas Kasturi. Reka bentuk tunas buluh dengan cengkaman akar membentuk asas kukuh serta daun-daun halus, menggabungkan unsur tradisional dan moden secara harmoni dalam reka bentuk unik yang mencerminkan sebuah syarikat yang progresif.

Acara perasmian itu yang disiarkan secara langsung oleh TV3, memaparkan ciri teknologi canggih dengan hadirin dibawa melawat secara maya sekitar ruang bangunan menggunakan dimensi khas.

Majlis dimulakan dengan deklamasi sajak bertajuk Cerita Sebuah Menara oleh penerima Anugerah Sea Write 2000, Lim Swee Tin.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali

kemudian dibawa ke tingkat 54 untuk meninjau bangunan berkenaan.